

BAB 7 – PENYATA KEWANGAN MILIKAN TUNGGAL

1. Pada 1 April 2011, Encik Zarrani telah membeli sebuah kenderaan pada harga kos RM80 000. Pada 31 Disember 2014 beliau bercadang melupuskan kenderaan tersebut dan mendapati harga pasaran kenderaan ialah RM65 000.

(i) Berikan satu sebab berlakunya penyusutan pada nilai kenderaan tersebut.

(ii) Nyatakan nilai kenderaan yang direkod dalam Kunci Kira-kira pada 31 Disember 2014.

2. Perniagaan Citra telah membeli lengkapan pada 1 Jun 2011 dengan harga kos RM5 000 dan usia guna selama 4 tahun. Nilai skrap lengkapan sebanyak RM200.

Hitungkan susutnilai lengkapan.

3. Berikut ialah stok Perniagaan Yong.

	Harga Kos (RM)	Harga Pasaran (RM)
Stok A	23 000	23 800
Stok B	13 200	13 000

Berapakah jumlah stok akhir ?

4. Perniagaan Amni membeli sebuah mesin bernilai RM45 000 dan dijangka dapat digunakan selama 5 tahun dan mempunyai nilai skrap sebanyak RM5 000.

Berapakah susut nilai tahunan bagi aset tersebut?

5. Maklumat berikut diperolehi daripada Syarikat Eivani Ramskay Sendirian Berhad.

Kenderaan (kos)	RM 8 600
Usia guna kenderaan	5 tahun
Nilai skrap	RM 600

Hitung susutnilai tahunan

6. Maklumat berikut berkaitan aset bukan semasa Perniagaan Halili pada 1 Januari 2013:

	RM
Kenderaan (kos)	50 000
Susut nilai terkumpul kenderaan	2 500

Susut nilai kenderaan ialah 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
Hitungkan susut nilai terkumpul kenderaan pada 31 Disember 2013.

7. Pada 1 Januari 2012, Perniagaan Danial telah membeli sebuah kenderaan berharga RM30 000. Kenderaan tersebut disusutnilaikan pada kadar 10 % setahun mengikut kaedah garis lurus. Pada 31 Disember 2013 kenderaan itu dijual dengan harga RM23 600.

Hitungkan untung atau rugi dari pelupusan kenderaan.

8. Jadual berikut menunjukkan maklumat dari sebuah perniagaan.

	RM
Alat tulis dibeli pada tahun 2013	600
Baki alat tulis pada 31 Disember 2013	100

Nyatakan jumlah yang ditunjukkan dalam
(i) Penyata Pendapatan
(ii) Kunci Kira-kira

9. Berikut adalah salah satu aset Perniagaan Mutiara Zieler yang digunakan bermula pada 1 Julai 2012.



- Kadar susutan 10%
- Kaedah atas kos
- Harga belian RM6 500

Hitungkan jumlah susutan aset tersebut sehingga 31 Disember 2013.

10. Berikut adalah petikan Imbangan Duga Perniagaan Kejora pada 31 Mei 2013.

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Penghutang	20 300	
Peruntukan Hutang Ragu		300

Maklumat Tambahan :

Peruntukan Hutang Ragu diselaraskan 5% atas penghutang.

Berapakah nilai peruntukan hutang ragu yang dicatat dalam:

i) Penyata Pendapatan : _____

ii) Kunci Kira-kira : _____

11. Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Putra pada 31 Julai 2013

	Debit	Kredit
Penghutang	RM13 500	
Peruntukan hutang ragu		RM340

Peruntukan hutang ragu diselaraskan 5% atas penghutang

(i) Berapakah nilai Peruntukan hutang ragu yang ditunjukkan dalam Akaun Untung Rugi

(ii) Berapakah nilai Peruntukan hutang ragu yang ditunjukkan dalam Kunci kira-kira

12. Maklumat berikut diperoleh daripada buku Black Enterprise.

Kenderaan	RM14 000
Nilai skrap	RM250
Usia guna	10 tahun

Hitungkan susut nilai mesin tersebut.
